



MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

(MALAYSIAN MEDICAL COUNCIL)

Kementerian Kesihatan Malaysia
(Ministry Of Health Malaysia)
BLOK B, ARAS BAWAH
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR

Tel : 03 - 2691 2171
Faks : 03 - 2693 8569 / 03 - 2691 2937
Emel : admin.mmc@moh.gov.my
Laman Sesawang : <http://www.mmc.gov.my>

Ruj. Kami: MPM.600-6/1/1 (55) Jld.5

Tarikh : 13 April 2023

Seperti Senarai Edaran

PEMAKLUMAN BERKENAAN PEMBATALAN PENGUATKUASAAN KEPERLUAN PENDAFTARAN PAKAR DALAM DAFTAR PAKAR PERUBATAN NEGARA/NATIONAL SPECIALIST REGISTER (DPPN/NSR) BAGI PENSYARAH KLINIKAL WARGA ASING UNTUK TUJUAN PENGAJARAN DIPERINGKAT PRASISWAZAH SAHAJA.

Perkara di atas adalah dirujuk dengan hormatnya.


- Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Majlis Perubatan Malaysia (MPM) ke 428, bertarikh 21 Mac 2023, telah bersetuju untuk **MEMBATALKAN penguatkuasaan keperluan pendaftaran pakar dalam Daftar Pakar Perubatan Negara/National Specialist Register (DPPN/NSR) bagi pensyarah klinikal warga asing untuk tujuan pengajaran diperingkat prasiswazah sahaja.** (Pemakluman boleh di rujuk dalam LAMPIRAN A)
- Sehubungan itu, tiada lagi keperluan bagi pengamal perubatan warga asing yang ingin mengamal sebagai pensyarah dalam bidang klinikal bagi tujuan pengajaran diperingkat prasiswazah untuk berdaftar pakar dengan Daftar Pakar Perubatan Negara (DPPN). Bagi pengamal perubatan bukan warganegara yang telah diberikan pendaftaran penuh untuk tujuan tersebut sehingga 29 Februari 2024, mereka boleh memohon pelanjutan pendaftaran penuh dengan kontrak baharu.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)
Presiden
Majlis Perubatan Malaysia

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)

LAMPIRAN A

PEMAKLUMAN BERKENAAN PEMBATALAN PENGUATKUASAAN KEPERLUAN PENDAFTARAN PAKAR DALAM DAFTAR PAKAR PERUBATAN NEGARA/NATIONAL SPECIALIST REGISTER (DPPN/NSR) BAGI PENSYARAH KLINIKAL WARGA ASING UNTUK TUJUAN PENGAJARAN DIPERINGKAT PRASISWAZAH SAHAJA.

Mesyuarat Majlis Perubatan Malaysia (MPM) kali ke 428 yang bersidang pada 21 Mac 2023 telah **MEMUTUSKAN** akan perkara seperti berikut:

1. Tiada lagi keperluan bagi pengamal perubatan warga asing yang ingin mengamal sebagai pensyarah dalam bidang klinikal diperingkat prasiswazah untuk berdaftar pakar dengan Daftar Pakar Perubatan Negara (DPPN).
2. Bagi pengamal perubatan warga asing yang telah diberikan pendaftaran penuh sehingga 29 Februari 2024 bagi tujuan yang tersebut diatas, mereka boleh memohon pelanjutan pendaftaran penuh dengan kontrak baharu.
3. Walaubagaimanapun bagi pensyarah klinikal warganegara asing BARU yang tidak pernah berdaftar penuh dengan MPM, pengamal dalam kategori ini hanya akan dipertimbangkan untuk berdaftar penuh dengan MPM sekiranya menepati kriteria-kriteria berikut:
 - a) Berdaftar sebagai pakar dengan Majlis Perubatan/ pihak berkuasa di negara asal atau negara terakhir pengamal berkhidmat;
 - b) Memiliki pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang kepakaran diceburi di mana-mana negara bersama testimonial yang dapat mengesahkan pengalaman tersebut;
 - c) Mengemukakan COGS/LOGS yang terkini dari tempat terakhir pengamal berkhidmat;
 - d) Pendaftaran adalah bersyarat hanya bagi tujuan pengajaran peringkat prasiswazah sahaja.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada Sekretariat MPM melalui butiran berikut:

No. telefon: 03-26912171 (no. sambungan: 130) & 016-3269354

Emel: ecpmq@mmc.gov.my

Sekian, terima kasih.

PRESIDEN

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

21 MAC 2023

NULLIFICATION OF THE REQUIREMENT TO BE REGISTERED WITH NATIONAL SPECIALIST REGISTER (NSR) FOR FOREIGN MEDICAL PRACTITIONERS WHO INTEND TO WORK/PRACTISE AS UNDERGRADUATE CLINICAL LECTURERS IN MALAYSIA

Malaysian Medical Council (MMC) in its 428th meeting, which convened on 21st March 2023, has **DECIDED** on the following matters:

1. Foreign medical practitioners who wish to practice as clinical lecturers for undergraduate program in Malaysia are no longer required to have specialist registration with National Specialist Register (NSR).
2. For foreign medical practitioners who were granted full registration for teaching purposes until 29th February 2024, they may apply for an extension of full registration with a new contract.
3. However, for **NEW** foreign clinical lecturers who have never been fully registered with MMC, practitioners in this category will only be considered for full registration with MMC if they meet the following criteria:
 - a) Registered as a specialist with the Medical Council/ authorities in the practitioner's country of origin or last country of practice;
 - b) Have at least five (5) years of experience in that specialty in any country with written testimonials;
 - c) Submit the latest COGS/LOGS from the last place of practice;
 - d) The full registration is conditional for the purposes of teaching undergraduate program **ONLY**.

Should there be any further queries, kindly contact:

Phone No.: 03-26912171 (ext. no.: 130) & 016-3269354

Email: ecpmq@mmc.gov.my

Thank you.

PRESIDENT

MALAYSIAN MEDICAL COUNCIL

21 MARCH 2023